

UniMAP Terpilih Sebagai Pusat Latihan Persediaan Kejohanan Asia Beach Game

Oleh : Nurul Aida Othman

PAUH PUTRA – Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) telah terpilih sebagai lokasi Pusat Latihan Persediaan Kejohanan Asia Beach Game selama enam bulan bermula pertengahan November hingga April 2021 nanti.

Menurut Pengarah Pusan Sukan UniMAP, Suhizaz Sudin, UniMAP dipilih oleh Malaysian Teqball Association (MTA) sebagai pusat latihan Kelab Teqball UniMAP di mana akan melibatkan staf dan pelajar UniMAP serta atlet-atlet Perlis yang berminat menyertai sukan ini.

“UniMAP dan pihak MTA akan mengadakan sesi pengenalan dan jerayawara bagi memberi pendedahan kepada atlet yang berminat.

“Malah kita akan aturkan sesi pemilihan bagi memilih atlet yang bakal mewakili Kelab Teqball UniMAP ke kejohanan itu nanti,” katanya dalam satu kenyataan di sini.

Selain UniMAP, terdapat tiga lagi kelab Teqball yang terlibat iaitu Jubilo; Sunday Shooters; dan Cyberlynx yang akan menjalani program latihan yang sama di tempat masing-masing.

“Penghujung Mac 2021 nanti akan menyaksikan keempat-empat kelab ini berentap untuk pemilihan pemain terbaik bagi mewakili Malaysia ke kejohanan Asia Beach Game yang dijadualkan berlangsung di Sanya China pada 2 April 2021.

“Selain terpilih sebagai lokasi pusat latihan, UniMAP juga turut dibekalkan satu meja teqball oleh MTA untuk kegunaan semasa latihan dan para atlet akan dilatih oleh staf UniMAP yang berpengalaman luas dalam bidang sukan sepak takraw dan bola sepak,” katanya.

Suhizaz juga berharap agar sukan Teqball akan berkembang maju di UniMAP dan seterusnya menjadi pelopor kepada IPT lain untuk terlibat secara aktif dalam sukan tersebut.

“Perkembangan positif ini nanti diharap akan menjadi faktor penggalak kepada penganjurannya di peringkat lebih tinggi di Malaysia,” katanya.